

**ANIH BERHAD & KUMPULAN ALLOYMTD MERIAHKAN SAMBUTAN TAHUN BARU CINA
MENERUSI PROGRAM LAWATAN AMAL KE HOSPITAL BENTONG**

BENTONG, 10 Februari 2018 – ANIH Berhad, pemegang konsesi Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak (KLK) dan Lebuhraya Pantai Timur Fasa 1 (LPT 1) bersama syarikat sekutunya, Kumpulan AlloyMtd membawa keceriaan kepada kira-kira 100 pesakit di Hospital Bentong, Pahang menerusi satu Program Lawatan Amal bersempena dengan sambutan Tahun Baru Cina yang akan datang.

Program ini bertujuan untuk mendekati dan menceriaikan pesakit khususnya pesakit kaum Cina yang terpaksa berada di hospital pada musim perayaan ini. Ia juga merupakan sebahagian daripada inisiatif tahunan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) ANIH Berhad dan Kumpulan AlloyMtd. Menerusi program ini, ANIH Berhad dan Kumpulan AlloyMtd menyumbangkan 'hamper' dan angpau kepada semua pesakit di Hospital Bentong.

"Program Lawatan Amal yang diadakan ini diharap dapat menceriaikan lagi petugas-petugas dan juga pesakit-pesakit khususnya kaum Cina yang terpaksa berada di hospital, seterusnya tidak dapat meraikan sambutan Tahun Baru bersama keluarga tersayang," kata Pengarah Eksekutif ANIH Berhad, Dato' Nik Fauzi Tan Sri Nik Hussein.

"Kami berharap Program Lawatan Amal tadi juga dapat memupuk kesedaran di kalangan kakitangan Syarikat tentang cabaran bertugas di hospital serta tanggungjawab perlunya kita sebagai syarikat korporat memberi sokongan moral kepada pesakit-pesakit supaya mereka lebih bersemangat untuk cepat sembuh," tambah Dato' Nik Fauzi.

Program Lawatan Amal ini turut disertai Ahli Parlimen Bentong merangkap Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai; Pengarah Hospital Bentong, Dr. Kamariah Ghazali; Pengarah Eksekutif Operasi Kumpulan AlloyMtd selaku Ketua Panel CSR, Puan Nik Firdaus Tan Sri Nik Hussain dan 30 kakitangan ANIH Berhad dan Kumpulan AlloyMtd.

Pada majlis yang sama, ANIH Berhad turut menghulurkan bantuan khas kepada 2 orang penduduk di Daerah Bentong ini. Mereka adalah Encik Saiful Amran bin Abdul Malek iaitu penduduk dari Kawasan Masjid Tengku Sulaiman, Ketari; dan Adik Muhammad Farid Aiman Bin Abdul Hazhar dari Kampung Bukit Piatu Benus.

Menerusi bantuan khas ini, Encik Saiful, 53, Bilal Masjid Tanjung Sulaiman menerima bantuan kerusi roda elektrik baharu manakala Adik Muhammad Farid, 16 tahun, yang menghidap Thalassemia sejak umur 6 bulan dan kini sedang menerima rawatan di Hospital Bentong pula menerima alat bantuan khas bagi rawatan Thalassemia. Sumbangan telah disampaikan oleh Datuk Seri Liow bagi pihak ANIH Berhad.

“Inisiatif ini merupakan satu usaha berterusan oleh ANIH Berhad dalam menunaikan tanggungjawab sebagai warga korporat yang prihatin, dan pada masa yang sama memupuk hubungan yang lebih erat diantara kakitangan dan golongan masyarakat yang kurang bernasib baik, terutamanya di Daerah Bentong,” kata Dato’ Nik Fauzi.

ANIH Berhad juga telah menghulurkan pelbagai bantuan dan sokongan yang merangkumi pelbagai aspek bagi membantu golongan masyarakat di negeri Pahang. Bagi tahun 2017, Syarikat telah memperuntukkan sejumlah RM1.4 juta menerusi pelbagai program CSR dalam menghulurkan bantuan dan mendekati pelbagai rentas golongan masyarakat di negeri ini.

Meneruskan lagi kesinambungan aktiviti CSR bagi tahun 2018 ini, ANIH Berhad akan menyerahkan sumbangan berupa 14 buah kereta peronda polis baharu kepada Polis DiRaja Malaysia untuk kegunaan Peronda Lebuhraya. Ianya bertujuan untuk membantu meningkatkan lagi operasi penguatkuasaan undang-undang di sepanjang Lebuhraya KLK dan LPT 1. Kenderaan-kenderaan yang terdiri daripada 4 buah Mitsubishi Outlander, 4 buah Mitsubishi ASX dan 6 buah Proton Preve Turbo dengan nilai pelaburan berjumlah RM1.43 juta ini akan diserahkan kepada Peronda Lebuhraya KLK dan LPT 1 tidak lama lagi.

Terdahulu, ANIH Berhad telah mengadakan satu Sesi Taklimat Aspek Keselamatan di Lebuhraya KLK & LPT 1 bersama Hospital Bentong bertujuan untuk menyelaraskan aspek keselamatan lebuhraya bersama kakitangan Hospital Bentong sempena musim perayaan ini.

Mengenai persediaan Syarikat sempena sambutan Tahun Baru Cina ini, Dato' Nik Fauzi berkata, Syarikat menawarkan diskaun tol sebanyak 10 peratus kepada pengguna lebuhrayanya, sempena sambutan Tahun Baru Cina.

"Meneruskan kesinambungan aktiviti CSR dan untuk memeriahkan lagi sambutan Tahun Baru Cina tahun ini, Syarikat menawarkan diskaun tol 10% yang akan diberikan kepada semua kelas kenderaan berkuat kuasa pada 16 Februari, mulai jam 12.00 tengah malam hingga jam 11.59 malam hari yang sama," katanya.

Sementara itu, Dato' Nik Fauzi berkata Syarikat turut mengeluarkan Jadual Cadangan Waktu Perjalanan (TTA) sebagai rujukan pengguna untuk merancang perjalanan pulang ke pantai timur sempena cuti sambutan Tahun Baru Cina ini.

Beliau berkata, TTA ini disediakan untuk membantu menyuraikan trafik dan mengurangkan kenderaan bertembung pada sesuatu masa yang sama, khususnya pada waktu puncak di plaza tol, khususnya di Plaza Tol Gombak, Plaza Tol Bentong dan Plaza Tol Karak hingga menyebabkan kesesakan.

Dato' Nik Fauzi berkata, tumpuan juga diberikan kepada aspek keselamatan lebuhrayanya dan persiapan tol plaza dalam menangani peningkatan trafik mendadak.

-Tamat-

Tentang ANIH Berhad

ANIH Berhad adalah pemegang konsesi Lebuhraya Pantai Timur (LPT) yang merangkumi komponen Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak (KLK) dan Lebuhraya Pantai Timur Fasa 1 (LPT 1), sepanjang 250 kilometer (KM). Bermula dari Gombak di km19.2 Lembah Klang hingga ke Jabor di km250 Terengganu, LPT meningkatkan masa perjalanan, dari Lembah Klang ke bandar-bandar utama di sebelah Pantai Timur, terutamanya Kuantan. ANIH Berhad juga adalah pemegang konsesi Lebuhraya KL-Seremban. Operasi tol dan penyenggaraan rangkaian-rangkaian lebuhraya ANIH Berhad diurus oleh Kumpulan AlloyMtd.

Untuk pertanyaan, sila hubungi:

1. Fazlyaton Hussein, Ketua, Komunikasi Korporat
fazlyaton.hussein@alloymtd.com
2. Ahmad Farizal Abdul Hajat, Naib Presiden,
Pengurusan Media & Editorial, Komunikasi Korporat
farizal.hajat@alloymtd.com
3. Sofia Roseli, Eksekutif,
Pengurusan Media & Editorial, Komunikasi Korporat
sofia.roseli@alloymtd.com

**Siaran Akhbar dikeluarkan bagi pihak ANIH Berhad oleh:
Jabatan Komunikasi Korporat
AlloyMtd Group**

1, Jalan Batu Caves, 68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Tel: 03-6195 1111 Fax: 03-6188 0101 Website: www.alloymtd.com